

Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) menyifatkan langkah memberi peluang kepada gelandangan untuk bekerja sebagai punca pendapatan adalah inisiatif yang baik.

Presiden MEF, Datuk Syed Hussain Syed Husman bagaimanapun berkata, pengambilan gelandangan bekerja didapati dilakukan secara tergesa-gesa dan tiada perancangan teliti menyebabkan mereka 'lari' daripada pekerjaan yang dilakukan.

"Kebanyakan gelandangan tidak mempunyai pengalaman bekerja dan suasana di tempat kerja mungkin begitu asing serta tidak sesuai untuk mereka. Ini membuatkan kebanyakan mereka lari selepas mendapat bayaran pertama," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai ada dalam kalangan gelandangan yang 'lari' daripada majikan mereka selepas mendapat gaji pertama dan kini menjadi gelandangan semula.

Syed Hussain berkata, perkara paling penting adalah menanamkan sikap positif kepada gelandangan agar mereka mengubah cara hidup demi masa depan sendiri dan keluarga.

Menurutnya, inisiatif yang dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi membantu gelandangan semasa Covid-19 dengan memberi kursus dan latihan sesuai sebelum mereka diambil bekerja amat dialu-alukan.

Katanya, ini bagi membolehkan mereka bersedia untuk membina kerjaya serta tidak akan kembali semula menjadi gelandangan.

"Ada dalam kalangan gelandangan yang (mempunyai) masalah penagihan dadah perlu dirawat dan dipulihkan sebelum mereka

Bukan semua **sesuai** diambil sebagai pekerja

MEF anggap pengambilan gelandangan sebagai tenaga kerja perlu selektif



PETUGAS Projek Dapur Asnaf memberi makanan dan duit raya kepada sebahagian golongan gelandangan di sekitar Pasar Seni, Kuala Lumpur.

mula diambil bekerja.

"Tabiat mencuri juga hendaklah ditangani agar pekerja lain tidak mencurigai dan menyisihkan mereka," katanya.

Beliau juga berpandangan dadah perlu dirawat dan dipulihkan sebelum mereka

tuk memasuki alam pekerjaan dan alternatif lain boleh dilaksanakan bagi membolehkan mereka melakukan kerja di Pusat Transit Gelandangan

Kuala Lumpur atau pusat keajikan yang lain.

"(Ini bagi) membolehkan gelandangan mengambil upah membuat kerja-kerja tertentu melalui program khas itu.

"Apa yang penting, kerajaan dan sektor swasta hendaklah bekerjasama erat untuk melaksanakan program tertentu untuk membantu gelandangan membina semula kehidupan mereka," katanya.

“Tabiat mencuri perlu ditangani agar pekerja lain tidak sisihkan mereka”

Syed Hussain